

14/08/1997

Kerajaan mahu kurangkan import

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan tidak berhasrat menangguhkan projek nasional sebaliknya mahu mengurangkan import bagi mengurangkan kesan kejatuhan nilai ringgit sekarang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menjelaskan, langkah mengurangkan import itu hanyalah sementara dan tidak menjejaskan beberapa projek nasional yang sudah dirancang sebelum ini.

"Bukan menangguh, cuma kita nak kurangkan import. Sekarang ini kos import lebih tinggi kerana nilai ringgit jatuh. Oleh itu, buat sementara waktu kita terpaksa mengurangkan import," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas mengunjungi Pengerusi Bersama Majlis Menteri-menteri Bosnia-Herzegovina, Dr Haris Silajdzic dan Boro Bosic yang berlepas pulang, petang ini.

Beberapa akhbar hari ini memetik Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai berkata, kerajaan mungkin menimbang langkah menangguhkan projek nasional yang dianggap tidak kritikal dan import barangan bagi mengurangkan kesan kelemahan ringgit berbanding unit dolar AS.

Menurut Dr Mahathir, kerajaan akan meneruskan projek nasional kerana ia bukanlah projek mega seperti anggapan sesetengah pihak.

"Sebenarnya ia bukanlah projek mega. Sektor swasta membina hampir semua bandar di Malaysia, mereka tidak membina satu atau dua rumah. Mereka membina bandar yang lengkap termasuk dengan sekolah dan masjid.

"Ada projek berharga lebih RM4 bilion dilakukan oleh hanya seorang individu. Oleh itu, apakah ini projek mega sedangkan ia dibina oleh sektor swasta. Kita (kerajaan) tidak membelanjakan wang apabila ia dilakukan oleh swasta. Begitupun kita perlu kurangkan import," ujarinya.

Perdana Menteri berkata, kajian semula sistem percukaian negara adalah antara beberapa langkah kerajaan bagi menghadkan kegiatan spekulasi kewangan.

Sambil menyifatkan kejatuhan pasaran sekarang bersifat sementara, kata beliau, langkah pencegahan jangka panjang perlu dilaksanakan bagi mengelakkan keadaan yang sama berulang.

Beberapa negara Eropah kini turut mengkaji kemungkinan menggunakan sistem percukaian bagi menghadkan kegiatan spekulasi.

"Kita boleh (melaksanakan pelbagai langkah kecemasan) tetapi ia lebih bersifat sementara. Apa yang diperlukan ialah penyelesaian jangka panjang ke arah mengatasi kegiatan terbabit.

"Ada negara Eropah yang sedang memikirkan kemungkinan menghadkan (kegiatan) spekulasi menerusi percukaian. Saya tidak tahu sama ada ia boleh dilakukan tetapi kita sedang mengkaji," katanya tanpa menjelaskan bentuk kajian itu.

Dr Mahathir yakin ekonomi negara akan pulih semula kerana asas pembangunan utama masih kukuh. "Asas fundamental negara amat kukuh... syarikat masih membuat keuntungan, industri asas terus bergerak lancar, jadi apa yang dialami ketika ini akan berlalu tanpa memberi kesan," katanya. Beliau bagaimanapun kecewa dengan kegiatan spekulasi oleh individu tertentu di negara yang menurutnya didalangi oleh negara kaya yang tidak berniat menolong negara miskin.

"Negara (kaya) ini langsung tidak membantu orang miskin, tetapi apabila mereka lihat ada negara miskin yang meningkat maju, mereka akan cuba menjatuhkannya," kata Dr Mahathir.

Selepas jatuh teruk minggu lalu, harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur hari ini mengalami pemulihan dan ditutup lebih tinggi walaupun sedikit kegiatan mengambil untung mengurangkan sebahagian daripada kenaikan terdahulu.

Pengukur pasaran Indeks Komposit mencapai tahap tertinggi pada 919.58 pagi tadi sebelum susut kemudiannya untuk ditutup pada 908.83, tetapi 11.58 mata lebih tinggi daripada penutupan semalam.

(END)